TEKS UCAPAN

YANG BERUSAHA

Ts Dr MOHAMAD AZHAR MOHD NOOR

PENOLONG REKTOR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS BERTAM

SEMPENA

MAJLIS ANUGERAH DEKAN

FAKULTI SAINS KESIHATAN

DI

DEWAN PEPERIKSAAN PTAR

PADA

13 NOVEMBER 2025 (KHAMIS) BERSAMAAN

23 JAMADILAWWAL 1447H

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمـــنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS

1. **Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohd Haidzir Abd Manaf**
Dekan Fakulti Sains Kesihatan

2. **Yang Berusaha Ts Dr Muhammad Nabil Fikri bin Roslan**
Ketua Pusat Pengajian Fakulti Sains Kesihatan UiTM Bertam

3. **Yang Berusaha Barisan Pengurusan Kanan FSK, Ketua-Ketua serta Koordinator Pusat Pengajian, Jabatan dan Unit.**

4. **Yang Berusaha Penyelaras Program, Ahli Jawatankuasa Penganjur, Para Pensyarah dan Pegawai.**

5. **Seterusnya semua para pelajar penerima anugerah dekan yang dikasihi sekalian.**

Assalamualaikum w.r.t.
Salam Malaysia Madani
Salam UiTM Di Hatiku

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

PENDAHULUAN

1. **Alhamdulillah**, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam majlis yang penuh makna ini iaitu **Majlis Anugerah Dekan Fakulti Sains Kesihatan** UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam.

2. Hari ini, kita bukan sekadar meraikan kejayaan akademik, tetapi juga **mengiktiraf usaha, kesungguhan, dan kecekalan** pelajar-pelajar yang telah membuktikan bahawa kejayaan tidak datang bergolek, tetapi hadir melalui disiplin, keazaman, dan doa yang tidak pernah putus.

3. Pada kesempatan yang penuh bermakna ini juga, saya bagi pihak UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam ingin **mengalu-alukan** dengan penuh rasa hormat dan sukacita atas kehadiran delegasi daripada **Fakulti Sains Kesihatan, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam**, yang turut bersama-sama memeriahkan majlis pada hari ini. Sesungguhnya, kehadiran pihak tuan dan puan amat kami hargai sebagai tanda sokongan, kebersamaan, dan jalinan ukhuwah akademik antara dua kampus UiTM ini.

4. Pada majlis kali ini, **seramai 145 pelajar cemerlang** diraikan sebagai penerima Anugerah Dekan, mewakili **lima program diploma** di bawah Fakulti Sains Kesihatan, iaitu:

Program Teknologi Makmal Perubatan,
Program Kesihatan Persekitaran,
Program Fisioterapi,
Program Pemulihan Carakerja, dan
Program Kejururawatan.

5. Setiap satu program ini melahirkan pelajar yang bukan sahaja memiliki pengetahuan dalam bidang masing-masing, tetapi juga mempunyai **tanggungjawab besar terhadap masyarakat dan negara.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Kejayaan para pelajar hari ini tidak datang tanpa pengorbanan. Di sebalik senyuman yang kita lihat, tersimpan **kisah perjuangan, air mata, dan keringat** yang tidak pernah berhenti. Dan di sebalik setiap kejayaan juga, ada sokongan ibu bapa, keluarga, dan para pensyarah yang sentiasa mendoakan dan membimbing dari awal hingga akhir.

7. Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk **merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada seluruh tenaga pengajar Fakulti Sains Kesihatan** atas usaha yang tidak pernah putus dalam melahirkan pelajar cemerlang, serta kepada **ibu bapa** yang menjadi tulang belakang kejayaan anak-anak mereka.

   Para pelajar yang dikasihi sekalian,

8. Kejayaan akademik amat penting, namun dalam dunia yang semakin mencabar ini, kejayaan sebenar **bukan hanya diukur melalui *pointer*** yang tinggi, tetapi juga melalui **kebijaksanaan dalam berinteraksi, kemampuan berfikir secara kritikal, dan keupayaan menyesuaikan diri dengan perubahan**.

9. Oleh itu, saya ingin berpesan kepada semua pelajar, khususnya yang diraikan hari ini supaya sentiasa **meningkatkan kemahiran insaniah atau *soft skills* anda**. Sertailah aktiviti kelab, persatuan, dan program kesukarelawanan di kampus. Ambillah peluang untuk melibatkan diri dalam perbincangan ilmiah, bengkel kepimpinan, dan sesi kolaboratif antara fakulti.

10. Keterlibatan dalam aktiviti sebegini bukan sahaja mengasah bakat kepimpinan dan kemahiran komunikasi, tetapi juga membantu anda menjadi insan yang **seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan sosial.** UiTM menyediakan pelbagai platform untuk pelajar mengembangkan potensi diri dan semestinya perlu dimanfaatkan sepenuhnya selagi bergelar mahasiswa.

11. Selain itu, saya ingin menekankan bahawa kecemerlangan yang sebenar adalah apabila ilmu yang diperoleh **dapat dimanfaatkan kepada orang lain**. Sebagai pelajar dalam bidang kesihatan, anda memikul amanah yang besar yang bukan sahaja untuk menyembuh penyakit, tetapi juga untuk **menyentuh kehidupan, membawa harapan, dan membina kesejahteraan masyarakat**. Maka, jagalah **integriti, empati dan etika** dalam setiap langkah perjalanan profesional kelak.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Majlis ini juga mencerminkan **komitmen UiTM** dalam **menghargai dan meraikan kecemerlangan akademik**, seiring dengan matlamat universiti untuk melahirkan graduan yang berdaya saing, berakhlak mulia, dan berjiwa kepimpinan. Saya percaya, dengan semangat seperti ini, Fakulti Sains Kesihatan akan terus

menjadi peneraju dalam melahirkan tenaga kerja profesional yang berilmu, berkemahiran tinggi dan berintegriti.

PENUTUP

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya titipkan nasihat melalui serangkap pantun:

Kalau hendak menjerat rusa,
Siapkan tali disimpul erat;
Kalau hendak berbuat jasa,
Tetapkan hati betulkan niat.

(*Sumber: Khazanah Pantun Melayu Riau, Terbitan DBP, 2016*)

14. Akhir kata, **tahniah dan syabas sekali lagi** kepada semua penerima Anugerah Dekan. Teruskan kecemerlangan anda, terus berusaha, dan jangan pernah berhenti memperbaiki diri. Semoga kejayaan ini menjadi permulaan kepada lebih banyak pencapaian yang membanggakan di masa hadapan.

Sekian, *Wabillahi Taufiq Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*
Terima kasih.